



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM


Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

PENOLONG JURUAUDIT AGUNG (KUMPULAN 2) JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PENOLONG JURUAUDIT AGUNG
JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Mempunyai kelulusan profesional seperti *Institute of Chartered Accountants in England and Wales* (ICAEW) atau *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) atau *Chartered Institute of Management Accountants* (CIMA) atau *Chartered Financial Analyst* (CFA) atau *Chartered Engineer Member of Institution of Civil Engineers, United Kingdom* (CEng MICE, UK) atau *Royal Institution of Chartered Surveyors* (RICS) atau *Certified Information Systems Auditor* (CISA) atau kelulusan-kelulusan profesional lain yang diiktiraf.

ATAU

- b) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Ekonomi dan Dasar Am / Kewangan / Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Elektrikal / Kejuruteraan Mekanikal / Kejuruteraan Telekomunikasi / Kejuruteraan Struktur / Mathematics / Pengurusan / Perakaunan / Perundungan atau bidang bersesuaian.


Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. a) Telah berkhidmat di Jabatan Audit sebagai Juruaudit Kanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

3. Mestilah mempunyai pengalaman dalam bidang Perakaunan dan / atau Pengauditan dan / atau Kewangan selama tidak kurang dari 3 tahun.



4. Menjadi ahli kepada salah satu Badan Perakaunan atau Badan Profesional dalam bidang-bidang yang tidak terhad kepada bidang Perakuanan yang diiktiraf adalah kelebihan.
5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan tugas-tugas yang diberikan oleh Juruaudit Agung, Timbalan Juruaudit Agung dan Penolong Kanan Juruaudit Agung;
2. Bertanggungjawab ke atas pentadbiran hal ehwal pegawai / kakitangan di Bahagian / Unitnya;
3. Mencadangkan dan menyediakan projek-projek pengauditan untuk dihadapkan kepada Penolong Kanan Juruaudit Agung;
4. Memastikan program pengauditan yang dirancang di dalam Bahagian / Unitnya dilaksanakan di dalam tempoh yang ditetapkan; dan
5. Mereviu laporan-laporan Juruaudit-Juruaudit di Bahagian / Unitnya sebelum dihadapkan ke Penolong Kanan Juruaudit Agung, Timbalan Juruaudit Agung dan Juruaudit Agung.
6. Menyediakan *post-mortem* ke atas prestasi Bahagian / Unitnya;